

PM saran beli bas tempatan

BH - 23/3/2006

Harga murah bantu kurangkan kos operasi

Oleh Azrina Ahzan

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menyarankan syarikat pengangkutan supaya membeli bas buatan tempatan kerana ia lebih murah sekali gus dapat membantu mengurangkan kos operasi berikutan kenaikan harga minyak.

Perdana Menteri berkata, kepakaran dan pengalaman beberapa syarikat tempatan dalam menghasilkan bas dan pelbagai kenderaan lain adalah setanding dengan buatan luar negara.

"Seboleh-bolehnya kita gunalah bas yang dikeluarkan di negara kita, kerana reka bentuk dan hiasan dalamannya setanding dengan bas yang dikeluarkan oleh syarikat luar negara.

"Lagipun, kita memang mempunyai kemampuan untuk menghasil-

kan bas sendiri dan jika ada komponen yang masih belum mampu dihasilkan, ia masih boleh diimport," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian selepas meninjau tiga bas yang dihasilkan SKS Coachbuilders Sdn Bhd (SKS), syarikat tempatan yang menghasilkan bas termasuk jenis dua tingkat, trak, ambulans dan kenderaan mengikut tempahan.

Syarikat yang beroperasi di Kampung Pulau Meranti, Puchong itu mengeluarkan kira-kira 2,500 bas sejak 10 tahun lalu untuk pasaran tempatan dan eksport ke China, Australia, Hong Kong, Bangladesh, India dan Singapura.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy; Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop; Menteri Wilayah Persekutuan,



SETANDING LUAR NEGARA: Abdullah mendengar penerangan daripada Hussain ketika meninjau bas yang dihasilkan SKS di Putrajaya, semalam. Turut hadir Najib, Nor Mohamed dan Mohamed Khaled.

Datuk Zulhasnan Rafique dan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Mohamed Khaled Nor-din.

Sementara itu, Pengarah SKS, Hussain Mohammad, berkata syarikatnya sedang mengadakan perbincangan dengan syarikat pembuat enjin yang berpangkalan di Jerman, untuk mengadakan kerjasama dalam pembuatan enjin di negara ini.

"Semua komponen yang digunakan dalam pengeluaran bas ini kecuali enjin adalah buatan tempatan, kerana kita belum mempunyai kepakaran untuk menghasilkan enjin.

"Bagaimanapun, kita (SKS) sedang

“Kepakaran syarikat tempatan dalam menghasilkan bas dan pelbagai kenderaan lain setanding dengan buatan luar negara”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

mengadakan perbincangan dengan syarikat terbabit di Jerman supaya kerjasama dalam mengeluarkan enjin dapat dilakukan di negara ini," katanya.

Beliau berkata, berikutan kenaikan harga minyak sebanyak 30 sen baru-baru ini, syarikatnya menjangkakan permintaan terhadap bas dua tingkat yang mampu memuatkan 70 penumpang akan meningkat.

Hussain berkata, ketika ini sebanyak 20 bas seperti itu sudah berada di pasaran dan tempahan dijangka meningkat kerana ia mampu mengurangkan kos operasi syarikat bas terbabit.